

14 MAY 1999

MAHATHIR AKHIRI LAWATAN DUA HARI KE SABAH

KOTA KINABALU, 14 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pulang ke ibu negara petang ini selepas melakukan lawatan kerja dua hari ke Sabah.

Antara orang kenamaan yang berada di Terminal Lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu bagi mengucapkan selamat pulang kepada Perdana Menteri ialah Ketua Menteri Datuk Osu Sukam, menteri dan pembantu menteri negeri serta ketua jabatan kerajaan negeri dan persekutuan.

Pagi tadi, Dr Mahathir menghadiri majlis bersama rakyat di Dewan Masyarakat Ranau sebagai menunaikan janjinya untuk pergi ke daerah itu setelah tidak dapat berbuat demikian semasa kempen pilihan raya negeri Mac lepas.

Malam tadi, beliau menghadiri majlis kesyukuran meraikan kemenangan Barisan Nasional pada pilihan raya itu.

-- BERNAMA

TM MAI